

27 MAY 2001

Anuiti-Ejen

BIARKAN FIRMA INSURANS KENDALI SKIM ANUITI KWSP, KATA EJEN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Ejen-ejen insurans tempatan mahukan supaya syarikat insurans yang mempunyai rekod yang cemerlang dibenar menguruskan skim anuiti Kumpulan Wang Simpinan Pekerja (KWSP).

Kira-kira 10,000 ejen insurans yang bertemu pada seminar di sini membidas Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) kerana bantahannya terhadap skim itu menyebabkan kerajaan menggantung skim berkenaan.

MTUC tidak semestinya mewakili majoriti pencarum KWSP kerana ia mempunyai hanya 500,000 anggota berbanding lima juta pencarum KWSP, kata Sam Ho, pengerusi Pergerakan Ejen Insurans Anuiti yang baru ditubuhkan.

MTUC dan kebanyakan penganalisis berkata peserta skim anuiti akan memperolehi pulangan yang lebih tinggi jika ia dikendalikan oleh KWSP kerana keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat insurans yang menyertai skim itu dan komisyen yang dibayar kepada ejen insurans akan diagihkan kepada mereka.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata minggu lepas bahawa dengan membenarkan syarikat insurans mengendalikan skim itu, kosnya adalah lebih tinggi.

Ho menolak dakwaan itu sambil berkata komisyen 1.5 peratus hingga dua peratus yang diterima oleh ejen tidaklah terlalu besar.

Beliau berkata oleh kerana KWSP sendiri menyatakan ia tidak mempunyai kepakaran untuk menguruskan skim itu, peranan itu ada baiknya dijalankan oleh firma insurans.

Ho mendakwa kosnya tidaklah terlalu besar bagi KWSP menubuhkan jabatan khas bagi mengendalikan skim berkenaan sedangkan syarikat insurans boleh melaksanakannya dengan lebih berkesan.

Beliau berkata adalah tidak adil untuk "mengenepikan" industri insurans sedangkan sektor lain mendapat manfaat daripada pelbagai skim KWSDP.

"Pada masa ini, pencarum dibenar mengeluarkan sebahagian daripada wang mereka untuk membeli rumah, komputer dan melabur dalam skim amanah.

Ho berkata memorandum meminta supaya skim itu beroperasi semula akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa.

Beliau berkata satu lagi memorandum akan diserahkan kepada Pergerakan Ejen-ejen Insurans Anuiti.

-- BERNAMA

NLY RV SK FAZ